

Temannya lelaki gila seks

Pelajar mahu tinggalkan kekasih tetapi takut tidak temui jodoh akibat sudah terlanjur

SAYA berumur awal 20-an dan mempunyai teman lelaki. Masalahnya saya amat tertekan dengan sikap teman lelaki yang gemar mengajak melakukan hubungan seks. Kami pernah terlanjur dan kini saya insaf kesilapan dan berazam tidak mahu mengulangi lagi.

Namun, teman lelaki semakin galak mengajak melakukan hubungan seks hingga saya berasa rimas. Malah, saya sering berdoa semoga Allah memberikan petunjuk kepada teman lelaki untuk berubah namun sia-sia.

Saya buntu dengan sikap teman lelaki yang sering melemparkan janji kosongnya untuk berubah dan saya selalu terfikir untuk meninggalkannya.

Bagaimanapun, saya takut kerana tiada siapa mahukan diri saya kerana kesilapan pernah dilakukan dulu.

Saya sangat tertekan. Apakah memang patut saya meninggalkan teman lelaki?

GADIS MANIS,
Melaka.

JAWAPAN:

CINTA tulus ikhlas tidak menuntut kepada pengorbanan bersifat seksual tanpa ikatan sah suami isteri. Mencintai bukan untuk dikhianati tapi adalah untuk saling memiliki. Cinta sejati adalah kejujuran.

Jika teman lelaki amat menyayangi adik, mengapa pula dia sering mengkhianati dan tidak menghormati adik sebagai seorang wanita.

Sikap teman lelaki yang gemar mengajak adik melakukan hubungan seks tidak membuktikan dia seorang lelaki tulen dalam perhubungan cinta.

Janji-janji kosongnya untuk



berubah dan mengahwini adik menambahkan lagi sikap kepalsuan terhadap ketulusan cinta.

Teman lelaki adik lebih berpaksikan nafsu dari cinta sejati. Dalam percintaan, adik perlu tahu untuk membezakan antara nafsu dengan cinta kerana tanpa disedari adik tertipu oleh hal itu.

Dr memahami ketakutan yang adik alami. Perasaan takut tiada lelaki yang akan sudi berkahwin dengan adik jika meninggalkan teman lelaki adalah senjata paling kuat yang digunakan teman lelaki untuk terus mengajak adik melakukan hubungan seks.

ia adalah seperti satu permainan bukan lagi satu percintaan.

Selagi mana permainan ini tidak dihentikan, selagi itulah adik menjadi mangsa. Kerugian dan kehilangan maruah

diri akan terus menyelipap dalam tubuh sanubari adik.

Berterus terang kepada teman lelaki mengenai perasaan dan keinginan adik.

Jelaskan adik inginkan satu perhubungan yang jujur dan cinta kalian berdua diikat dengan sah. Adik ingin mengakhiri perbuatan berdosa. Jika permintaan ikhlas adik ini masih lagi dipandang sepi, jelas sekali teman lelaki tidak sehaluan arah cintanya dengan adik.

Sama ada patut meninggalkan teman lelaki ataupun meneruskan hubungan bergantung kepada kesediaan adik menerima segala akibat yang wujud dari apa saja keputusan yang diambil.

Mengenai sama ada adik akan menemui lelaki yang sanggup menerima adik jika sudah meninggalkan teman lelaki, ia adalah soal jodoh. Manusia juga tidak boleh

memastikan apa pun untuk masa depannya kerana hari esok adalah misteri.

Jika adik ingin menemui lelaki yang sudi mengambil adik sebagai suri hidupnya, adik perlu mempunyai prinsip seks bukan penentu dalam pemilihan jodoh.

Tidak mengulangi kesilapan dan dosa yang dilakukan bersama teman lelaki adalah permulaan kepada kehadiran jodoh adik. Jadikan segala kesilapan lalu sebagai pengajaran. Setiap perkara ada gantinya.

Setiap kejadian ada hikmah di sebalik kejadiannya

Dr doakan adik dapat membuat satu keputusan yang menjadikan adik sebagai wanita yang bermaruah dan beriman. Bukan sebagai alat pemuas seks. Apabila maruah diri dapat dimiliki, adik akan lebih yakin bahawa soal jodoh adalah ketentuan Tuhan.

Mahu jadi doktor selamat nyawa ibu

SAYA pelajar tingkatan lima dan bakal menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun ini. Saya hanyalah pelajar biasa, tapi mempunyai cita-cita yang tinggi iaitu ingin menjadi doktor perubatan suatu hari nanti.

Saya mahu mengubati penyakit ibu yang menghidap penyakit darah tinggi sejak 10 tahun lalu. Saya ingin membalas jasa ibu.

Sebelum melangkah ke tingkatan empat, saya sering berdoa agar saya ditempatkan di kelas aliran sains. Alhamdulillah, Allah makbulkan doa saya dan yakin bahawa aliran sains mampu membawa saya ke masa depan yang cerah.

Semasa di tingkatan empat, saya berada di aliran sains dan harapan saya untuk mencapai cita-cita itu amat kuat.

Tapi, cikgu saya sering memberi nasihat supaya menukar aliran kerana berpendapat bahawa saya tidak mampu pergi jauh sekiranya masih kekal di aliran sains.

Selepas itu, saya berjumpa kaunselor sekolah untuk mendapatkan nasihat tambahan dan beliau menjelaskan pelajaran saya baik. Mungkin saya hanya kurang yakin.

Saya tidak meminati aliran akaun. Satu-satunya pilihan saya yang lain adalah aliran sastera. Apabila saya tukar aliran, banyak pula pelajaran di tingkatan empat yang tertinggal dan perlu dimulakan semula.

Keputusan peperiksaan saya tidaklah teruk jika dibandingkan dengan rakan sekelas lain. Saya hanya gagal matematik tambahan dan kimia saja. Mata pelajaran lain tiada masalah.

Memang setakat ini, saya tidak memperoleh A pada mana-mana subjek, tapi yakin mampu melakukannya.

Saya minta nasihat dan panduan adakah memang perlu saya menukar aliran dan melakukannya dari sekarang?

SERBA SALAH
Johor Bahru, Johor

JAWAPAN:

MENJADI seorang doktor adalah satu pekerjaan mulia. Dr memang kagum dengan ciri-ciri pekerjaan doktor perubatan yang tu-

gasnya antara lain menyelamatkan nyawa.

Dr ucapkan tahniah atas niat suci adik ingin menjadi doktor perubatan untuk membalas jasa baik ibu dengan merawatnya. Bertuah ibu adik mendapat seorang anak yang tahu untuk membalas budi.

Membalas budi boleh dilakukan melalui pelbagai cara. Contohnya, dengan menjadi seorang anak yang baik (mendengar kata, rajin belajar, menghormati ibu bapa) adalah antara bentuk membalas budi ibu bapa.

Tidak semestinya, dengan banya menjadi doktor perubatan, adik boleh membalas segala jasa ibu. Adik juga boleh membalas jasa ibu dengan membiayai perbelanjaan rawatan ibu. Tentunya ini boleh adik lakukan apabila adik sudah mendapat pekerjaan yang baik nanti.

Dalam memasuki satu bidang kerjaya, banyak elemen atau faktor yang perlu diambilkira. Teori perkembangan kerjaya melihat pemilihan kerjaya bergantung kepada minat, kebolehan, keupayaan, keputusan peperiksaan dan peluang.

Faktor ekonomi, sokongan dan bakat juga penting dalam pemilihan sesuatu kerjaya.

Adik perlu melihat kepada perkara-perkara ini dalam pemilihan kerjaya.

Adik kini berada di tingkatan lima, tentunya untuk menukar aliran sudah tidak dibenarkan.

Apa yang adik boleh lakukan ialah memberi sepenuh perhatian kepada pelajaran.

Walaupun semua subjek adalah penting, tetapi berikan fokus utama kepada subjek yang adik lemah (matematik tambahan dan kimia).

Dengan kesungguhan dan azam adik, Dr yakin adik boleh berjaya dalam kerjaya dan hidup. Jika adik menjadi doktor perubatan, Dr ucapkan tahniah.

Sekiranya tidak, Dr melihat adik masih berpeluang menjadi seorang yang berjaya (dalam kerjaya dan kehidupan) dan masih dapat membalas jasa ibu.